

## **METODE DAN INTIPATI DAKWAH NABI NUH A.S : ANALISIS DALAM AL-QURAN**

**Mohd Hakim Mothar Rijan**  
*hakim@kuim.edu.my*  
*Kolej Universiti Islam Melaka*

**Mahmood Sabtu**  
*Kolej Universiti Islam Melaka*

### **ABSTRAK**

Nabi Nuh a.s adalah salah seorang rasul utusan Allah s.w.t yang diutuskan kepada umat manusia. Kisah beliau banyak dirakamkan dalam al-Quran yang mulia yang disebut di pelbagai surah dan tempat. Kajian ini bertujuan menganalisis metode dan intipati dakwah baginda yang terdapat dalam al-Quran bagi mendapatkan teknik-teknik dalam berdakwah. Analisis dibuat berdasarkan kitab al-Quran, tafsir-tafsir pilihan, kitab Ulum al-Quran serta kisah-kisah al Quran. Hasil kajian mendapati terdapat tujuh metode dan lima intipati dakwah baginda dalam menyampaikan risalah Allah kepada umatnya. Kajian ini dapat membantu para pendakwah dalam memahami dan mempelbagai teknik berdakwah serta secara tidak langsung meniup semangat para pendakwah di era yang sangat mencabar kini.

**Kata Kunci** : Metode dan Intipati Dakwah, Nabi Nuh a.s, al-Quran

## METODE AND THE ESSENCE OF THE MESSAGE OF NUH A.S: ANALYSIS OF THE QURAN

### ABSTRACT

Prophet Nuh a.s is one of the Messengers of Allah s.w.t. who was sent to mankind. His story is widely recorded in the noble Qur'an that is mentioned in various surahs and places. The purpose of this study is to analyze the methods and essence of the prophet hood contained in the Qur'an for the techniques of preaching. The analysis is based on the Qur'an, optional interpretations, Ulum al-Quran and the stories from al-Quran. The finding shows that there are seven methods and five essences of his mission in delivering the message of Allah to his followers. This study could assist preachers in understanding and improving techniques of preaching and indirectly blowing the spirits of preachers in a very challenging era now.

**Key words:** Metode and essence of da'wah, Prophet Nuh a.s, al-Quran

### PENGENALAN

Sebagai sunnah ( aturan ) bagi Allah s.w.t mengutuskan utusannya bagi setiap umat di dunia ini. Ini bertujuan bagi memperkenalkan dirinya sebagai tuhan yang menciptakan alam semesta dan mengatur segala-galanya dan menjauhi kesyirikan dan kekufuran sepertimana firmanNya di dalam al-Quran di dalam surah al-Nahl ayat 36 :

وَمِنْهُمْ آلَٰهُ هَدَىٰ مَنْ فَمِنْهُمْ الظُّغُوتِ وَأَجْتَنِبُوا اللّٰهَ عِبُدُوا أَن رَّسُولًا أُمَّةٍ كُلِّ فِي بَعَثْنَا وَلَقَدْ  
﴿٣٦﴾ الْمُكذِّبِينَ عَنقِبَةٌ كَانِ كَيْفَ فَانظُرُوا الْأَرْضَ فِي فِيسِيرُوا الضَّلَالَةَ عَلَيْهِ حَقَّتْ مَسْ ١

Maksudnya: Dan sesungguhnya kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". maka di antara mereka (yang menerima seruan rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan rasul-rasulnya.

Antara rasul-rasul yang diutuskan oleh Allah s.w.t kepada umat manusia adalah nabi Nuh a.s. Kisah perutusan nabi Nuh a.s adalah antara kisah

---

<sup>1</sup> Al-Quran : al-Nahl : 36

rasul yang banyak dirakamkan di dalam al-Quran. Ia disebut dalam banyak ayat-ayat dan disebut secara khusus dalam satu surah yang menceritakan keseluruhan kisahnya iaitu di dalam surah Nuh. Beliau telah digolongkan salah seorang rasul *Ulu al-A'zmi* yang dikurniakan kesabaran yang tinggi dan ketabahan hati yang kuat dalam menyampaikan risalah. Ini dijelaskan dengan firman Allah s.w.t dalam surah al-Ahqaf ayat 35 :

إِلَّا يَلْبَثُوا لَمُيُوعِدُونَ مَا يَرُونَ يَوْمَ كَأَنَّهُمْ تَسْتَعْجِلُونَ وَلَا أَلْرُّسُلِ مِنَ الْعَزْمِ أَوْ لَوْ أَصْبَرَ كَمَا فَصَّيَّرَ  
الْفَسِقُونَ الْقَوْمُ إِلَّا يَهْلِكُ فَهَلْ بَلَغَ نَهَارٌ مِّنْ سَاءٍ<sup>2</sup>

Maksudnya: Jika demikian akibat orang-orang kafir yang menentangmu (wahai Muhammad) maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya rasul-rasul "*Ulil-Azmi*" (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu); dan janganlah engkau meminta disegerakan azab untuk mereka (yang menentangmu itu). Sesungguhnya keadaan mereka semasa melihat azab yang dijanjikan kepada mereka, merasai seolah-olah mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sekadar satu saat sahaja dari siang hari. (penerangan yang demikian) cukuplah menjadi pelajaran (bagi orang-orang yang mahu insaf). maka (ingatlah) tidak dibinasakan melainkan kaum yang fasik - derhaka.

Nama Nuh a.s berasal dari bahasa Ibrani yang dikatakan hidup sekitar 3043-3993 sebelum masihi dan diangkat menjadi nabi sekitar 3650 sebelum masihi. Imam al-Suyuti menceritakan bahawa nama Nuh bukan berasal dari bahasa Arab, tetapi bahasa Syria yang bermaksud "bersyukur" atau "berterima kasih". Al-Hakim pula berkata dinamakan dengan Nuh kerana "beliau kerap menangis". Adapun nama sebenar beliau adalah Abdul Ghaffar. Ada pendapat mengatakan beliau hidup sebelum nabi Idris a.s.<sup>3</sup>

Ibn Kathir berpendapat nabi Nuh a.s adalah generasi kesembilan daripada anak cucu nabi Adam a.s iaitu Nabi Nuh a.s anak Lamik anak Mutawasylih anak Idris anak Yurdi anak Mahlayi anak Qainan anak Anusy anak Syits anak Adam a.s.<sup>4</sup>

Imam al-Tabari meriwayatkan daripada Abi Dzar r.a bahawa Nabi Nuh adalah utusan Allah setelah nabi Adam a.s dan jangka masa di antara keduanya adalah sebanyak 20 kurun.<sup>5</sup>

<sup>2</sup> Al-Quran : al-Ahqaf : 35

<sup>3</sup> Al-Suyuti. Jalal al-Din. 2004. Al-Itqan Fi Ulum al-Quran. Dar al-Hadith Kaherah. Hlm 349. Jld 2

<sup>4</sup> Al-Suyuti. Jalal al-Din. 2000. Al-Itqan Fi Ulum al-Quran. Hlm 1062. Jld 2

<sup>5</sup> Al-Suyuti. Jalal al-Din. 2004. Al-Itqan Fi Ulum al-Quran. Dar al-Hadith Kaherah. Hlm 350. Jld 2

## SEBUTAN KISAH NABI NUH A.S DALAM AL-QURAN

### 1. Surah Hud ayat 25-48

Dalam surah Hud bermula dari ayat 25 hingga 48 ini, Allah s.w.t telah merakamkan kisah perutusan dakwah nabi Nuh a.s. Beliau menjelaskan bahawa beliau adalah utusan Allah s.w.t dan mengajak kaumnya kepada tauhid (mengesakan Allah s.w.t ) menjauhi dan meninggalkan perbuatan syirik dan penyembahan kepada berhala. Antara berhala yang menjadi sembah kepada kaumnya adalah Wadd, Suwa', Yagus, Yauq dan Nasr. Sepertimana yang diriwayatkan dalam hadith sahih al-Bukhari, berhala-berhala ini awalnya adalah nama-nama orang soleh yang telah meninggal dunia dikalangan mereka.<sup>6</sup>

Kaumnya terus berdegil, bahkan mereka menuduh dengan mengatakan nabi Nuh sengaja mengada-adakan cerita secara dusta bahawa Allah s.w.t mengurniakan pangkat nabi kepadanya. Nabi Nuh a.s diperintahkan supaya menjawab dengan berkata: "Kalaulah daku yang mereka-reka wahyu itu, maka akulah yang akan menanggung dosa perbuatanku itu, dan sebenarnya aku bersih dari segala tuduhan itu".

Nabi Nuh a.s terus berdakwah lagi terhadap kaumnya, hanya segelintir dari kaumnya mengikut dakwah beliau dan yang selebihnya menentang dan memusuhi beliau. Kemuncak kepada keingkaran kaumnya, Allah s.w.t memerintahkan nabi Nuh a.s membina bahtera dan Allah s.w.t mendatangkan banjir yang besar dan menyelamatkan orang-orang yang beriman serta menenggelamkan mereka yang ingkar. Kisah ini diceritakan oleh Allah s.w.t secara terperinci dalam surah Hud ini bermula ayat 25 hingga 48.

### 2. Surah al-Isra' ayat 3

Nabi Nuh a.s adalah seorang yang petah berbicara dan cerdas. Beliau telah dikategorikan dikalangan rasul *Ulul a'zmi* yang dikurniakan kesabaran yang tinggi dan beliau juga dipuji oleh Allah s.w.t sebagai seorang hamba yang selalu bersyukur sepertimana yang disebut dalam al-Quran.

﴿شُكْرًا عَبْدًا كَانَ إِنَّهُ نُوْحٌ مَّعَ حَمَلِنَا مِنْ ذُرِّيَّتِهِ﴾<sup>7</sup>

Maksudnya: Wahai keturunan orang-orang yang telah kami bawa bersama-sama dengan nabi Nuh (di dalam bahtera) Sesungguhnya ia adalah seorang hamba yang bersyukur.

---

<sup>6</sup> Ibn Kathir. Tafsir al-Quran al-Azim. Jld 14 m/s 142. Maktabah Aulad Syeikh li al-Turath.

<sup>7</sup> Al-Quran : 17 : 3

### 3. Surah al-Ankabut ayat 14

وَنُوحٌ وَهُمْ الطُّوفَانُ فَأَخَذَهُمْ عَامًا خَمْسِينَ إِلَّا سَنَةً آلفَ فِيهِمْ فَلَبِثَ قَوْمٌ مِّنْهُ إِلَى نُوحٍ حَاقًا أَرْسَلْنَا وَقَدْ  
ظَلِمُوا

Maksudnya: Dan sesungguhnya kami telah mengutus nabi Nuh kepada kaumnya, maka tinggalah ia dalam kalangan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; akhirnya mereka dibinasakan oleh taufan sedang mereka berkeadaan zalim (dengan kufur derhaka).

Dalam ayat ini Allah s.w.t telah menjelaskan tempoh dan jangka masa yang dijalankan oleh nabi Nuh a.s dalam berdakwah. Ia secara jelas disebut selama 950 tahun sebelum Allah mendatangkan azabnya kepada dengan mendatangkan banjir yang besar.

### 4. Surah al-Shaffat ayat 75 hingga 82

هُرُّ ذُرِّيَّتِهِ رُجَعَلْنَا الْعَظِيمِ الْكَرْبِ مِنْ أَهْلِهِ وَنَجَّيْنَاهُ الْمُجِيبُونَ فَلَنِعْمَ نُوحٌ قَادِرًا وَقَدْ  
الْمُحْسِنِينَ نَجَزَى كَذَلِكَ إِنَّا الْعَالَمِينَ فِي نُوحٍ عَلَى سَلَامٍ الْآخِرِينَ فِي عَلَيْهِ وَتَرَكْنَا الْبَاقِينَ  
الْآخِرِينَ أَعْرِفْنَا ثُمَّ الْمُؤْمِنِينَ عِبَادِنَا مِنْ إِنَّهُ

Dalam ayat 75 hingga 82 surah al-Shaffat ini, Allah s.w.t telah merakamkan doa nabi Nuh yang memohon kepada Allah ketika bencana banjir besar yang melanda. Allah s.w.t telah menyelamatkan nabi Nuh a.s dan pengikut-pengikutnya yang beriman dan membiak dari keturunan-keturunan mereka orang-orang yang beriman kepada Allah s.w.t.

Maka peristiwa ini telah dikekalkan ingatannya bagi umat-umat yang datang selepasnya sebagai iktibar dan dengan pujian terhadap usaha dan dakwah nabi Nuh a.s. Adapun kaum yang ingkar dan kufur dari umatnya semuanya telah dibinasakan oleh Allah s.w.t.

### 5. Surah al-Tahrim ayat 10

أَصْلِحِينَ عِبَادِنَا مِنْ عَبَدِينَ مَحْتَكًا نَتَّالُ طُورًا وَأَمْرًا نُوحٍ أَمْرًا كَفَرُوا وَالَّذِينَ مَثَلًا اللَّهُ ضَرَبَ  
الَّذِينَ مَعَ النَّارِ أَدْخَلًا وَقِيلَ شَيْئًا اللَّهُ مِنْ عَنِّي أَيُّغْنِيَا فَلَمْ فَخَانَتَاهُمْ

Maksudnya: Allah s.w.t mengemukakan satu misal Perbandingan (yang menyatakan tidak ada manfaatnya) bagi orang-orang kafir (berhubung rapat Dengan orang-orang mukmin selagi mereka tidak beriman Dengan sebenar-benarnya), iaitu: perihal isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Lut; mereka berdua berada di bawah jagaan dua orang hamba Yang soleh dari hamba-hamba Kami (yang sewajibnya mereka berdua taati); Dalam pada itu mereka berlaku khianat kepada suami masing-masing; maka kedua-dua suami mereka (yang berpangkat Nabi itu) tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari (azab) Allah, dan (sebaliknya) dikatakan kepada mereka berdua (pada hari pembalasan): "Masuklah kamu berdua ke Dalam neraka bersama-sama orang-orang Yang masuk (ke situ)".

Dalam ayat ini Allah s.w.t datangkan perumpamaan bagi menjelaskan kedudukan Isteri nabi Nuh dan Nabi Luth. Ada dikalangan isteri nabi Nuh yang tidak beriman walaupun mereka begitu rapat dengan nabi iaitu utusan dan kekasih Allah s.w.t, namun hidayah dan taufik itu milik mutlak Allah s.w.t dan diberi kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki. Maka kedua-dua isteri nabi Nuh dan Luth ini tergolong dalam orang-orang yang ingkar dan mendapat azab Allah s.w.t.

## 6. Surah al-Qamar ayat 11-13

حَمَلْنَهُ ۖ قَدْ رَمَىٰ عَلَىٰ الْمَاءِ فَالْتَقَىٰ عُيُونًا ۖ الْأَرْضُ وَفَجَّرْنَا ۖ مِنْهُمْ مِمَّا السَّمَاءِ أَبْوَابٍ فَفَتَحْنَا ۖ  
وَدُّرِّ الْوَاحِ ذَاتِ عَلَىٰ وَ

Ayat dalam surah al-Qamar ini menjelaskan peristiwa banjir besar yang berlaku pada zaman tersebut. Ia menjelaskan bagaimana air hujan yang turun mencurahkan dari langit yang tidak berhenti. Begitu juga air yang keluar dari bumi yang memancar sehingga menenggelamkan semua umatnya yang ingkar dan menyelamatkan mereka yang beriman.

## 7. Surah Nuh

Surah Nuh merupakan surah *Makkiyah* (surah yang diturunkan sebelum hijrah) yang mengandungi 27 ayat keseluruhannya. Ia merupakan surah ke 71 mengikut susunan surah-surah dalam al-Quran. Surah ini secara keseluruhannya merakamkan dakwah nabi Nuh a.s bermula dari perutusan baginda. Seterusnya penjelasan mengenai perjalanan dakwah baginda dari dakwah secara sembunyi-sembunyi sehingga dakwah secara terang-terangan.

Dakwah yang dijalankan oleh nabi Nuh a.s adalah membawa kepada tauhid iaitu mengesakan Allah s.w.t dan meninggalkan syirik iaitu perbuatan menyekutukan Allah s.w.t, meninggalkan kezaliman dan melaksanakan amal

soleh. Kaedah-kaedah dakwah juga dijelaskan dalam surah ini dengan dengan menjelaskan bukti-bukti kekuasaan Allah s.w.t yang mencipta alam ini. Peringatan juga digunakan bagi mereka yang ingkar dan tidak mengikuti dakwah baginda sehingga didatangkan azab oleh Allah s.w.t.

Segala cabaran dan ujian yang dialami oleh nabi Nuh a.s dari kaumnya telah diceritakan pada pertengahan surah ini. Di akhir surah ini Allah s.w.t merakamkan doa nabi Nuh a.s yang memohon keampunan bagi dirinya, kaum keluarganya, kedua ibu bapa dan sekalian muslimin dan muslimat dan doa kemusnahan bagi golongan yang zalim.

## **METHOD DAKWAH YANG DITERAPKAN OLEH NABI NUH A.S**

### **1. Dakwah Secara Sembunyi**

Pada peringkat awal dakwah nabi Nuh a.s dilaksanakan secara sembunyi-sembunyi iaitu baginda hanya berdakwah kepada keluarga dan kaum kerabatnya sahaja. Baginda menyemai benih ketauhidan kepada Allah s.w.t dalam tiap-tiap diri keluarganya, namun begitu ada di antara isteri dan anak beliau yang tidak beriman kepada Allah s.w.t. Isteri baginda yang melahirkan anak-anak baginda yang menurut ahli kitab disebut Kan'an, iaitu Haam, Saam, Yaafits dan Yaam tidak beriman dan ditenggelamkan Allah bersama orang-orang yang ingkar.<sup>8</sup> Terdapat juga sebahagian saudara mara terdekat baginda yang menerima baik dakwah baginda kerana baginda sendiri terkenal dikalangan masyarakat dengan akhlak yang baik dan terpuji.

### **2. Dakwah Secara Terbuka**

Setelah berlansung dakwah secara sembunyi maka nabi Nuh a.s telah meneruskan kaedah dakwah yang lebih mencabar iaitu dakwah secara terbuka (terang-terangan). Metode ini disebut dalam al-Quran pada ayat kelapan surah Nuh iaitu :

﴿جَهَارًا دَعَوْتُهُمْ إِنِّي تُمَّرٌ<sup>9</sup>

Maksudnya: "Kemudian aku telah menyeru mereka dengan terang-terang"

---

<sup>8</sup>Imam al-Hafiz Ismail Bin Kathir al-Qursyi al-Dimasyqi.2014.Teladan Bagi Orang Berakal (Kisah-kisah Dalam al-Quran) Judul Asal Qasas al-Quran.m/s 142 Terbitan Haq Global Resources.

<sup>9</sup> Al-Quran : Nuh : 8

Dakwah terang-terangan ini dilaksanakan oleh nabi Nuh a.s di pasar-pasar dan tempat terbuka yang menjadi tumpuan masyarakat. Pelaksanaan dakwah secara terbuka ini telah mula memberikan reaksi penentangan oleh kaumnya dan tidak sampai bilangan 200 orang sahaja yang menuruti dakwah baginda.

### 3. Dakwah Secara Gabungan ( Sembunyi Dan Terbuka)

Dakwah baginda terus menerus dilaksanakan dengan menjalankan kedua-dua metode iaitu sembunyi dan terang-terang. Baginda telah menggunakan seluruh tenaga untuk berdakwah kepada kaumnya dan membawa mereka kepada agama tauhid yang suci. Firman Allah s.w.t :

﴿إِذَا رَأَوْهُمْ وَارْتَمَوْا عَلَيْهِمْ مِمَّا عَشْتُمْ﴾<sup>10</sup>

Maksudnya: "Selain dari itu, aku (berulang-ulang) menyeru mereka secara beramai-ramai dengan berterus-terang, dan menyeru mereka lagi secara berseorangan dengan perlahan-lahan.

Ibn A'syur menyatakan nabi Nuh a.s menghimpun kedua-dua kaedah dakwah iaitu secara terang-terangan dan sembunyi kerana ianya akan lebih berkesan daripada dakwah secara sembunyi-sembunyi sahaja.<sup>11</sup>

### 4. Dakwah Di Waktu Siang Dan Malam

Nabi Nuh a.s melaksanakan dakwah terhadap kaumnya tidak terhad kepada sesetengah waktu sahaja, bahkan baginda berdakwah siang dan malam. Masa yang ada digunakan sepenuhnya, tanpa penat lelah baginda berdakwah di waktu siang dan malam selagi ada ruang dan waktu. Baginda sendiri telah mengadu kepada Allah s.w.t seperti yang di rakamkan dalam al-Quran :

﴿وَنَهَارًا لَّيَالٍ قَوْمِي دَعَوْتُ إِيَّايَ رَبِّ قَالَ﴾<sup>12</sup>

Maksudnya: (Setelah puas menyeru mereka), nabi Nuh berdoa dengan berkata: "Wahai tuhanku, Sesungguhnya aku telah menyeru kaumku siang dan malam (supaya mereka beriman);

### 5. Dakwah Berterusan Tanpa Henti

Nabi Nuh a.s telah berdakwah kepada kaumnya dengan bersungguh-sungguh secara berterusan tanpa mengenal putus asa sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quran selama sembilan ratus lima puluh tahun. Batapa lamanya usaha

<sup>10</sup> Al-Quran : Nuh : 9

<sup>11</sup> Ibn A'syur. 1984. Tafsir Tahrir al-Tanwir. Juz 29 M/s 197. Maktabah Tunisia Li al-Nasyr

<sup>12</sup> Al-Quran : Nuh : 5



dakwah yang dijalankan oleh baginda dengan gigih dan tanpa rasa putus asa. Ini dijelaskan dalam firman Allah s.w.t dalam surah al-Ankabut ayat 14 :

وَن وَهُمَّ الطُّوفَانُ فَأَخَذَهُمْ عَامًا مَّحْسِينًا إِلَّا سِنَةً أَلْفَ فِيهِمْ فَلَبِثَ قَوْمٌ مَّهِمٌ إِلَىٰ نُوحًا أَرْسَلْنَا وَقَدْ  
ظَلِمَ<sup>13</sup>

Maksudnya: Dan Sesungguhnya kami telah mengutus nabi Nuh kepada kaumnya, maka tinggalah ia dalam kalangan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; akhirnya mereka dibinasakan oleh taufan sedang mereka berkeadaan zalim (dengan kufur derhaka).

## 6. Dakwah Dengan Berita Gembira (*Tabsyir* ), Kebahagiaan Bagi Yang Beriman

بَيْنَ بِأَمْوَالٍ وَيُمِدُّكُمْ مَدْرَارًا عَلَيْكُمْ السَّمَاءُ يُرْسِلُ غَفَارًا كَانَ إِنَّهُ رَبُّكُمْ أَسْتَغْفِرُ وَأَفْقَلْتُ  
أَنْهَرُ الْكُفْرَ وَيَجْعَلُ جَنَّاتٍ لَكُمْ وَيَجْعَلُ<sup>14</sup>

Maksudnya: "Sehingga aku berkata (kepada mereka): `Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, Sesungguhnya adalah ia maha pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu; Dan ia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan ia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).

Dalam ayat 10 hingga 12 menceritakan bagaimana nabi Nuh a.s mengajak umatnya bertaubat dan menjanjikan kepada mereka 5 perkara sekiranya mereka beriman<sup>15</sup> iaitu:

1. Rahmat kepada mereka dalam bentuk hujan yang mencurah-curah.
2. Kekayaan yang melimpah ruah.
3. Anak yang ramai.
4. Kebun-kebun dan tanaman.
5. Air sungai yang mengalir dalam kebun mereka.

<sup>13</sup> Al-Quran : al-Ankabut : 14

<sup>14</sup> Al-Quran : Nuh : 10-12

<sup>15</sup> Mohd Fairuz Bin A.Adi, Mahfuz Bin Jaafar, Dr Zainora Bt Daud. Metode Dakwah Nabi Nuh a.s: kajian Dalam Surah Nuh. Seminar antarabangsa Akidah Dakwah Dan Syariah ( 2016) KUIS

Ayat di atas memberi gambaran berita gembira yang disampaikan oleh Allah s.w.t melalui nabinya sekiranya mereka kembali kepada Allah akan dibukakan nikmat dan rezeki yang mencurah-curah.

### 7. Dakwah Dengan Peringatan ( *Inzar* ) Ancaman Bagi Yang Ingkar.

Nabi Nuh a.s juga mengingatkan kaumnya bahawa beliau adalah utusan Allah yang ditugaskan untuk memberi amaran kepada sesiapa yang ingkar kepada Allah s.w.t. Beliau juga mengingatkan bahawa keputusan azab Allah bagi mereka yang ingkar setelah tempoh yang ditetapkan olehnya dan juga kematian yang pasti berlaku pada setiap yang bernyawa. Sebelum datangnya kematian itu haruslah kembali kepadanya, beriman dan bertaubat. Firman Allah s.w.t :

﴿مُبِينٌ نَّذِيرٌ لِّكُمْ إِنِّي يَنْقُومُ قَالٍ<sup>16</sup>

Maksudnya: Dia pun (menyeru mereka dengan) berkata: "Wahai kaumku sesungguhnya aku ini diutus kepada kamu, sebagai pemberi ingatan dan amaran yang nyata

﴿تَعْلَمُونَ كُنْتُمْ لَوِيضًا لَّجَاءِ إِذَا اللَّهُ أَجَلَ إِنْ مُسَمَّى أَجَلَ إِلَى وَيُؤَخَّرَكُمْ ذُنُوبِكُمْ مِنْ لَكُمْ يَغْفِرُ<sup>17</sup>

Maksudnya: "Supaya Allah mengampunkan bagi kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu, dan memberi kamu hidup (dengan tidak terkena azab) hingga ke suatu masa Yang tertentu; (maka segeralah beribadat dan bertaqwa) kerana Sesungguhnya ajal (yang telah ditetapkan) Allah, apabila sampai masanya, tidak dapat ditangguhkan; kalaulah kamu mengetahui (hakikat ini tentulah kamu segera beriman)".

## INTIPATI SERUAN NABI NUH A.S

### 1. Seruan Kepada Tauhid

Seruan nabi Nuh a.s adalah sama seperti seruan rasul-rasul yang diutus iaitu seruan kepada asas keimanan tauhid yang suci, bertakwa kepada Allah dan patuh kepada rasul sebagai pembawa risalah. Menjauhi perbuatan syirik dan penyembahan berhala-berhala yang menjadi pujaan nenek moyang mereka. Firman Allah s.w.t :

---

<sup>16</sup> Al-Quran : Nuh : 2

<sup>17</sup> Al-Quran : Nuh : 3

﴿١٨﴾ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَاتَّقُوا اللَّهَ عِبَادَ أَنْ<sup>18</sup>

Maksudnya: "Iaitu Sembahlah kamu akan Allah dan bertakwalah kepadanya, serta taatlah kamu kepadaku;

Ia juga dirakamkan oleh Allah s.w.t dalam ayat yang lain :

﴿١٧﴾ وَأَطِيعُوا اللَّهَ فَاتَّقُوا<sup>١٧</sup> ﴿١٦﴾ آمِينَ رَسُولُكُمْ إِيَّايَ<sup>١٦</sup> ﴿١٥﴾ تَتَّقُونَ أَلَا نُوحِ أَخُوهُمْ هُمْ قَالَ إِذْ  
﴿١٤﴾ الْعَلَمِينَ رَبِّ عَلَىٰ إِلَّا أَجْرِي إِنْ أَجْرٍ مِنْ عَلِيٍّ<sup>١٤</sup><sup>19</sup>

Maksudnya : Ketika saudara mereka (nabi Nuh), berkata kepada mereka: "hendaknya kamu mematuhi suruhan Allah dan menjauhi larangannya. "Sesungguhnya Aku ini ialah Rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu." Oleh itu, takutilah kamu akan (kemurkaan) Allah, dan taatlah kepadaku."Dan aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah mengenai apa yang aku sampaikan (dari Tuhanku); balasanku hanyalah terserah kepada Allah tuhan sekalian alam.

## 2. Seruan Segera Kearah Keampunan Dan amal Soleh

Nabi Nuh a.s menyeru kaumnya agar beriman kepada Allah. Sekiranya mereka beriman, Allah akan memberi keampunan terhadap mereka sebelum sampainya ajal maut yang akan tiba bila-bila masa sahaja. Maka Allah s.w.t telah berfirman:

﴿٢٠﴾ تَعْلَمُونَ كُنْتُمْ لَوْ يُؤَخَّرُونَ لَآ جَاءَ إِذًا اللَّهُ أَجَلَ إِنْ مُسَمِّي أَجَلَ إِلَى وَيُؤَخَّرَكُمْ دُنُوبِكُمْ مِنْ لَكُمْ يَغْفِرُ<sup>٢٠</sup>

Maksudnya: "Supaya Allah mengampunkan bagi kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu, dan memberi kamu hidup (dengan tidak terkena azab) hingga ke suatu masa yang tertentu; (maka segeralah beribadat dan bertakwa) kerana Sesungguhnya ajal (yang telah ditetapkan) Allah,

<sup>18</sup> Al-Quran : Nuh : 3

<sup>19</sup> Al-Quran : al-Syuara': 106-109

<sup>20</sup> Al-Quran : Nuh : 4

apabila sampai masanya, tidak dapat ditangguhkan; kalaulah kamu mengetahui (hakikat ini tentulah kamu segera beriman)".

### 3. Bukti -bukti Kekuasaan Allah

Firman Allah s.w.t dalam surah Nuh dari ayat 13 hingga 17 :

طِبَاقًا سَمَوَاتٍ سَبَّعَ اللَّهُ خَلْقَ كَيْفَ تَرَوْنَ وَالْمَ ۝۱۳ أَطْوَارًا خَلَقَكُمْ وَقَدَّ ۝۱۴ وَقَارَ اللَّهِ تَرَجُونَ لَا لَكُمْ مَأْمُ فِيهَا يُعِيدُكُمْ ثُمَّ ۝۱۵ نَبَاتًا الْأَرْضِ مِّنْ أَنْبَتِكُمْ وَاللَّهُ ۝۱۶ رَاجًا الشَّمْسِ وَجَعَلَ نُورًا فِيهِنَّ الْقَمَرَ وَجَعَلَ ۝۱۷ فَجَا جَا سُبُلًا مِنْهَا لَتَسْلُكُنَّ ۝۱۸ بِسَاطِطٍ الْأَرْضِ لَكُمْ جَعَلَ وَاللَّهُ ۝۱۹ إِخْرًا جَا وَخُرْجُكُ ۝۲۰<sup>21</sup>

Ayat tersebut menerangkan kaedah Nabi Nuh a.s menarik perhatian kaumnya agar memikirkan kebesaran dan bukti-bukti kekuasaan Allah yang dapat dilihat oleh mereka. Antaranya bagaimana Allah menciptakan manusia dengan kejadian yang berperingkat-peringkat. Allah menjadikan langit yang berlapis-lapis, menjadikan matahari dan bulan yang mempunyai cahaya yang menerangi alam, menghidupkan dan mematikan semula manusia untuk kembali dihitungkan amalan mereka serta menjadikan bumi yang luas terbentang.

Ianya adalah bertujuan untuk kaumnya berfikir akan segala kebenaran tersebut dan menginsafi akan diri mereka sendiri.

### 4. Seruan Kepada Meninggalkan Kesestatan Dan Kezaliman

Firman Allah s.w.t dalam surah Nuh dari ayat 21 hingga 24 :

كُتِبَ آتَاكُمْ مَكْرًا وَمَكْرًا ۝۲۱ خَسَارًا إِلَّا وُؤَلْدَهُ مَالُهُ يَزِيدُهُ لِمَنَّ ۝۲۲ وَاتَّبَعُوا عَصَوِي إِيَّاهُمْ رَبِّ نُوحٍ قَالَ ۝۲۳ قِيَعُوبِكِ وَلَا سُوَاعًا وَلَا وُدًّا تَذَرْنِ وَلَا إِيَّاهُ تَذَرْنَ لَا وَقَالُوا ۝۲۴ ضَلَلْنَا إِلَّا الظَّالِمِينَ تَزِدُّوهُ كَثِيرًا أَضَلُّوا وَقَدَّ ۝۲۵ وَذَسْرًا وَيُعُو ۝۲۶<sup>22</sup>

Apabila seruan baginda tidak lagi dihiraukan lagi oleh kaumnya, maka baginda pun memperingatkan akan kaumnya agar tidak melakukan kezaliman dengan

<sup>21</sup> Al-Quran : Nuh : 13-17

<sup>22</sup> Al-Quran : Nuh : 21-24

menolak dakwah baginda. Kaumnya juga telah berpakat untuk menzalimi dan menyakiti baginda dan terus dengan amalan penyembahan berhala mereka. Ketua-ketua kaumnya telah menghasut masyarakat agar terus tidak meninggalkan kepercayaan nenek moyang mereka yang sesat dengan menyembah Wadd, Suwaa', Yaghuth, dan Ya'uuq, serta Nasr<sup>23</sup>. Maka Allah s.w.t telah datangkan azab kepada mereka dengan banjir yang cukup besar.

## 5. Doa Bagi Orang-orang Yang Beriman

Sayugianya bagi para pendakwah mengakhiri usaha dakwahnya dengan berdoa kehadrat Allah s.w.t agar memberi hidayah kepada umatnya. Begitulah nabi Nuh a.s telah berdoa kehadrat Allah s.w.t pada akhir usaha baginda memohon hidayah keampunan dan kesejahteraan terutamanya bagi diri, keluarga, ibu bapa dan orang-orang yang beriman. Baginda menyerahkan segala-gala urusannya kepada tuhan yang menentukan segala-galanya. Doa yang masyhur tersebut telah dirakamkan oleh Allah s.w.t pada akhir surah Nuh tersebut dan sangat baik untuk menjadi pedoman dan amalan para pendakwah. Firman Allah s.w.t :

تَبَارَكَ إِلَٰهُ الظَّالِمِينَ تَرْدُونَ وَلَا وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ الْمُؤْمِنَاتِ دَخَلَ وَلَمَّا دَخَلَ إِلَيَّ لِأَغْفِرَ رَبِّ

24

Maksudnya : "Wahai tuhanku! ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapakku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan (dalam segala zaman); dan janganlah engkau tambahi orang-orang yang zalim melainkan kebinasaan!"

---

<sup>23</sup> Nama berhala-berhala yang terbesar bagi kaum nabi Nuh dan semuanya berasal dari nama orang-orang soleh yang telah meninggal dunia dikalangan mereka.

<sup>24</sup> Al-Quran : Nuh : 28

## **KESIMPULAN**

Dakwah yang dijalankan oleh Nabi Nuh a.s adalah merupakan tugas yang sama yang dijalankan oleh para rasul yang diutus oleh Allah s.w.t .Dakwah yang dijalankan oleh baginda telah menempuhi ujian yang sangat hebat.Kisah dan metode dakwah baginda telah dirakam banyak dalam al-Quran sebagai panduan bagi kita umat Islam dalam melaksanakan usaha mengajak umat kepada agama yang sempurna. Kesabaran dan ketabahan baginda seharusnya menjadi inspirasi bagi para pendakwah agar tidak berputus asa dalam melaksanakan usaha-usaha dakwah.Walaupun dakwah yang dijalankan mengambil masa yang sangat lama, pengikut-pengikut baginda juga tidak ramai, namun baginda tetap berjaya dan mendapat pujian dari Allah s.w.t sebagai rasul yang tinggi darjatnya di sisi Allah. Oleh itu, mudah-mudahan kajian ini dapat memberi nilai tambah bagi para pendakwah dalam mempelbagai metode dakwah dan meningkatkan semangat serta ketabahan dalam mendepani cabaran dakwah kini.

## **BIODATA PENULIS:**

***Mohd Hakim Mothar Rijan*** adalah pensyarah Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

***Mahmood Sabtu*** adalah pensyarah Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

## **BIBLIOGRAFI**

- al-Quran al-Karim  
al-Quran al-Karim Dan Terjemahannya, Majma' al-malik al-Fahd, Madinah al-Munawwarah.
- Ibn A'syur.1984.Tafsir Tahrir al-Tanwir.Maktabah Tunisia Li al-Nasyr.
- Ibn Kathir. Tafsir al-Quran al-Azim.Maktabah Aulad Syeikh li al-Turath.
- Imam al-Hafiz Ismail Bin Kathir al-Qursyi al-Dimasyqi.2014.Teladan Bagi Orang Berakal (Kisah-kisah Dalam al-Quran) Judul Asal Qasas al-Quran Terbitan Haq Global Resources.
- Mohd Fairuz Bin A.Adi, Mahfuz Bin Jaafar, Dr Zainora Bt Daud.Metode Dakwah Nabi Nuh a.s. Kajian alam Surah Nuh. Seminar Antarabangsa Akidah Dakwah Dan Syariah ( 2016) KUIS
- Syaamil al-Quran Miracle The Reference .2011. Terbitan Syaamil al-Quran Indonesia.
- al-Suyuti. 2004.Jalal al-Din Abd Rahman al-Suyuti. al-Itqan Fi Ulum al-Quran. Dar al-Hadith Kaherah.